

Ruj. Kami : UTM.J.06.03.02/22.19/1/11 (19)
Tarikh : 24 April 2025

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

SKIM PERLINDUNGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak pengurusan UTM telah meluluskan semua pelajar (warganegara) sepenuh masa dilindungi di bawah Skim Perlindungan Pelajar berkuatkuasa mulai 1 September 2020. Skim ini merangkumi pelajar yang menjalani latihan industri termasuk program akademik, aktiviti sukan dan pembangunan pelajar serta aktiviti rasmi yang diluluskan oleh pihak UTM di luar kampus.

3. Sehubungan dengan itu, skop perlindungan di bawah Skim Perlindungan Pelajar adalah seperti berikut :-


- (i) Manfaat Kematian (Disebabkan Penyakit)
- (ii) Manfaat Kematian (Akibat Kemalangan)
- (iii) Hilang Upaya Kekal (Disebabkan Penyakit)
- (iv) Hilang Upaya Kekal (Akibat Kemalangan)
- (v) Elaun Harian wad bagi kemasukan ke Hospital Kerajaan/Swasta (Akibat Kemalangan sahaja maksimum 30 hari)

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAMSUL AZLI BIN SHAMSURAY)

Timbalan Pendaftar

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

☎ : 07-55 32956

✉ : shamsulazli@utm.my